

# ALLIANZ UNIVERSAL LIFE FUND I

## FUND FACT SHEET

1	<b>Name of Fund</b>	<b>Allianz Universal Life Fund I</b> Allianz Universal Life Fund I is a separate fund within the non-participating fund, and assets in this fund is ring-fenced.
2	<b>Investment Objective</b>	The Fund aims to provide a stable return over the longer term via principally investing in fixed income securities. In addition, the Fund also seeks to provide investors, through active asset allocation, with long term return enhancement derived from an appropriately diversified portfolio of equities.
3	<b>Investment Strategy &amp; Approach</b>	The Fund will invest in a diverse range of fixed income securities, equities, equity related securities and money market instruments. The Fund may also invest in Collective Investment Schemes (CIS) which are in line with the Fund's investment objective.  Investment decisions would be based on a combination of: <ul style="list-style-type: none"><li>• Top down analysis of the macroeconomic environment to determine asset allocation and sector exposure strategy, and</li><li>• Bottom up analysis for stock and credit selection which includes quantitative and qualitative analysis.</li></ul>
4	<b>Asset Allocation</b>	The asset mix is subject to the following:  <b>Fixed Income Securities</b> Maximum 98% of the Fund's NAV with minimum 2% in liquid assets for liquidity needs. The fixed income securities will include corporate bonds for yield enhancement.  <b>Equity allocation</b> Maximum 30% of the Fund's NAV for higher return potential.

		<p><b>Foreign Investment allocation</b> Up to 10% of the Fund's NAV for diversification.</p> <p><b>Allianz Life reserves the right to review the investment strategy &amp; approach from time to time according to prevailing circumstances.</b></p>						
5	<b>Performance Benchmark</b>	<p>85% 12-month Maybank Fixed Deposit Rate + 15% FTSE Bursa Malaysia KLCI Index. <i>Further information on benchmark can be obtained from <a href="http://www.bursamalaysia.com">www.bursamalaysia.com</a> and Maybank <a href="https://www.maybank2u.com.my">https://www.maybank2u.com.my</a>.</i></p>						
6	<b>Fund Manager</b>	Allianz Life Insurance Malaysia Berhad						
7	<b>Fund Management Charge</b>	<p>The monthly Fund Management Charge is as follows:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Gross Investment Return (per month) Before Tax</th><th>Current Fund Management Charge (per month)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Less than 0.416%</td><td>0.0667%</td></tr> <tr> <td>0.416% and above</td><td>0.0958%</td></tr> </tbody> </table> <p>The maximum Fund Management Charge is 0.125% per month (i.e. 1.50% per annum). Allianz Life reserves the right to revise the maximum Fund Management Charge by giving Policy Owners at least three (3) months prior written notice.</p>	Gross Investment Return (per month) Before Tax	Current Fund Management Charge (per month)	Less than 0.416%	0.0667%	0.416% and above	0.0958%
Gross Investment Return (per month) Before Tax	Current Fund Management Charge (per month)							
Less than 0.416%	0.0667%							
0.416% and above	0.0958%							
8	<b>The principal risks of investing in the fund are identified as follows:</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Market Risk</li> <li>• Country/Foreign Investment Risk</li> <li>• Interest Rate Risk</li> <li>• Currency Risk</li> <li>• Sector Risk</li> <li>• Company Specific Risk</li> <li>• Credit and Default Risk</li> <li>• Liquidity Risk</li> </ul>						
9	<b>Risk Management and Control Procedures</b>	<p>On top of regulatory limits imposed by Bank Negara Malaysia, Allianz Life have put in place clear internal investment limits for all asset classes to ensure that the Fund does not take on excessive risk, while recognizing there cannot be total elimination of risks associated with investing in the Fund.</p> <p>Brief description of the types of risk referred to in this fund fact sheet are:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Market Risk</b> – The value of the Fund's investment assets may be affected by changes in economic fundamentals, interest rate movements, regulatory policies political and industrial developments. These market factors may result in fluctuations in the value of the Fund's investment assets. This risk may be mitigated by ensuring regular and rigorous reviews of macroeconomic factors and asset allocation strategy.</li> </ul>						

- **Country/Foreign Investment Risk** – This risk refers to the risks of investing in foreign markets. The value of the foreign investment assets directly or indirectly held by the Fund may be affected by country-specific factors, such as the country's economic fundamentals, social and political stability and regulatory policies. This risk may be mitigated by ensuring regular and rigorous reviews of macroeconomic factors and asset allocation strategy.
- **Interest Rate Risk** – Interest rate risk arises when the value of the debt instrument fluctuates due to interest rate movements. When interest rate rises, the debt instrument prices generally decline and this may lower the market value of the investment. The reverse may apply when interest rate falls. Debt instruments with longer maturities and lower coupon rates are more sensitive to interest rate changes. This risk may be mitigated by regular and rigorous reviews of asset allocation and duration strategy.
- **Currency Risk** – For foreign investment, fluctuations in currency exchange rates may have an impact on the value of the Fund's investment assets. This risk may be managed by engaging in foreign currency hedging.
- **Sector Risk** – The value of the Fund's investment assets may be adversely affected by the changes in sector-specific factors, such as the business conditions, industry outlook and demand/supply dynamic of the industry. This risk may be managed through portfolio diversification and control on sector concentration risks.
- **Company Specific Risk** – The asset values of securities may be affected by company-specific factors, some of which include volatile business situations, adverse financial conditions and poor corporate governance. This risk may be contained through appropriate portfolio diversification, prudent investment selection and better control on investment concentration risks.
- **Credit and Default Risk** – This relates to the creditworthiness of the issuers of the debt and money market instruments as well as their abilities to make timely payments of interest and principal. Any adverse situations faced by the issuer may impact the value of the fund as well as the liquidity of the debt instrument or money market instrument. This risk is managed through appropriate portfolio diversification, stringent credit selection and control on sector as well as credit concentration risks.
- **Liquidity Risk** – If an asset has insufficient liquidity, there is the risk that the asset cannot be sold or can only be sold at a significant discount to the purchase price. Appropriate portfolio diversification, control on investment concentration limits taking into account liquidity constraints and regular monitoring could help mitigate the said risk.

## 10 Target Market

The Fund is suitable for investors who

- seek low to moderate capital appreciation;
- have low to moderate risk tolerance; and
- medium to long term investment horizon

11	<b>Fund Performance and Performance Benchmark</b>	<p><b>Past performance of the fund is not an indication of its future performance and the performance of the fund is not guaranteed.</b></p>
----	---	--

Historical actual annual net crediting rate of Allianz Universal Life Fund I with selected benchmark is:

Year	2011	2012	2013	2014	2015
Annual Net Crediting Rate*	5.91%	5.54%	3.75%	2.66%	3.01%
Benchmark	2.79%	4.24%	4.28%	1.88%	2.26%

Year	2016	2017	2018	2019
Annual Net Crediting Rate*	3.20%	6.51%	0.37%	8.39%
Benchmark	2.3%	4.05%	1.96%	1.79%

\* After deduction for government tax, transaction charge, custodian fee and Fund Management Charge.

These historical actual annual net crediting rates do not take into account any other charges that may be levied.

This is strictly the performance of the universal life fund, and not the returns earned on the actual premiums paid of the universal life product.

The basis of calculation of past performance is as follows:

#### Crediting Rate Methodology

The Allianz Universal Life Fund I comprises Account Value of all individual Allianz Universal Life Fund I policy owners.

In order to determine the crediting rate of each individual Account Value, it shall be valued on calendar month basis, and the following rules shall apply:

The Account Value of individual policy owner shall be calculated as being the sum of:

- The previous calendar month end Account Value;
- Allocated premium received during the calendar month (if any); and
- Income accrued or credited to the Account Value during the calendar month (if any); less deductions for Cost of Insurance (if any) and Policy Fee (if any) due on each monthly anniversary and also less Guaranteed Cash Payment (if any), Non-Guaranteed Education Benefit (if any) and Enhanced Retirement Benefit (if any) due on policy anniversary.

The monthly net crediting rate (after deduction of government tax, transaction charge, custodian fee and Fund Management Charge) will be credited to each individual Account Value based on the average of opening and closing individual Account Values of that calendar month.

The crediting rate and amount will be determined after month end closing and allocated to policy owners by t+2 (working days).

*Note: Allianz Life reserves the right to determine the Crediting Rate and the frequency of Crediting Rate at its sole and absolute discretion.*

12	<b>Statement to Policy Owners</b>	<p>The annual statement will be sent to policy owners at least once a year stating the balance of Account Value, crediting rate and Fund Management Charge.</p>
----	-----------------------------------	---

**Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (198301008983)**

(Licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

**Allianz Customer Service Centre**

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Allianz Contact Center: 1 300 22 5542 Email: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)   AllianzMalaysia   [allianz.com.my](http://allianz.com.my)

# DANA UNIVERSAL LIFE ALLIANZ I

## LEMBARAN FAKTA DANA

1	<b>Nama Dana</b>	<b>Dana Universal Life Allianz I</b> Dana Universal Life Allianz I adalah dana berasingan yang merupakan sebahagian daripada dana tidak bersertaan, dan asset dalam dana ini adalah 'dipagar' ('ring-fenced').
2	<b>Objektif Pelaburan</b>	Dana ini bertujuan untuk memberikan pulangan yang stabil dalam jangka masa panjang dengan melabur pada sekuriti pendapatan tetap. Di samping itu, Dana ini juga bertujuan untuk memberi para pelabur, melalui pengagihan aset aktif, peningkatan pulangan jangka panjang yang berasal dari portfolio ekuiti yang dipelbagaikan dengan tepat.
3	<b>Pendekatan &amp; Strategi Pelaburan</b>	Dana ini akan melabur dalam pelbagai sekuriti pendapatan tetap, ekuiti, sekuriti berkaitan ekuiti dan instrumen pasaran wang. Dana ini juga boleh melabur dalam Skim Pelaburan Kolektif (CIS) yang sesuai dengan objektif pelaburan Dana.  Keputusan pelaburan akan berdasarkan campuran: <ul style="list-style-type: none"><li>Analisis atas-bawah persekitaran makro ekonomi untuk menentukan pengagihan aset dan strategi pendedahan sektor, dan</li><li>Analisis bawah-atas untuk pemilihan stok dan kredit yang merangkumi analisis kuantitatif dan kualitatif.</li></ul>
4	<b>Pengagihan Aset</b>	Campuran aset adalah tertakluk kepada yang berikut: <b>Sekuriti Pendapatan Tetap</b> Maksimum 98% daripada Nilai Aset Bersih Dana dengan minimum 2% dalam aset cair bagi keperluan kecairan. Sekuriti pendapatan tetap akan termasuk bon korporat untuk peningkatan hasil. <b>Pengagihan Ekuiti</b> Maksimum 30% daripada Nilai Aset Bersih Dana untuk potensi pulangan yang lebih tinggi.

		<p><b>Peruntukan Pelaburan Asing</b> Sehingga 10% daripada Nilai Aset Bersih Dana untuk kepelbagaian.</p> <p><b>Allianz Life berhak untuk mengkaji semula strategi &amp; pendekatan pelaburan dari semasa ke semasa mengikut keadaan semasa.</b></p>						
5	<b>Tanda Aras Prestasi</b>	85% Kadar Deposit Tetap 12-bulan Maybank + Indeks 15% FTSE Bursa Malaysia KLCI. <i>Maklumat lanjut mengenai tanda aras boleh diperolehi dari <a href="http://www.bursamalaysia.com">www.bursamalaysia.com</a> dan Maybank <a href="https://www.maybank2u.com.my">https://www.maybank2u.com.my</a>.</i>						
6	<b>Pengurus Dana</b>	Allianz Life Insurance Malaysia Berhad						
7	<b>Caj Pengurusan Dana</b>	<p>Caj Pengurusan Dana bulanan adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Pulangan Pelaburan Kasar (sebulan) Sebelum Cukai</th> <th>Caj Pengurusan Dana Semasa (sebulan)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kurang daripada 0.416%</td> <td>0.0667%</td> </tr> <tr> <td>0.416% dan ke atas</td> <td>0.0958%</td> </tr> </tbody> </table> <p>Caj Pengurusan Dana maksimum adalah 0.125% setiap bulan (bersamaan dengan 1.50% setiap tahun). Allianz Life berhak untuk mengubah Caj Pengurusan Dana dengan memberi Pemegang Polisi sekurang-kurangnya tiga (3) bulan notis bertulis.</p>	Pulangan Pelaburan Kasar (sebulan) Sebelum Cukai	Caj Pengurusan Dana Semasa (sebulan)	Kurang daripada 0.416%	0.0667%	0.416% dan ke atas	0.0958%
Pulangan Pelaburan Kasar (sebulan) Sebelum Cukai	Caj Pengurusan Dana Semasa (sebulan)							
Kurang daripada 0.416%	0.0667%							
0.416% dan ke atas	0.0958%							
8	<b>Risiko-risiko utama pelaburan dalam dana dikenal pasti seperti yang berikut:</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Risiko Pasaran</li> <li>• Risiko Pelaburan Negara/Pelaburan Asing</li> <li>• Risiko Kadar Faedah</li> <li>• Risiko Mata Wang</li> <li>• Risiko Sektor</li> <li>• Risiko Syarikat Khusus</li> <li>• Risiko Kredit dan Lalai</li> <li>• Risiko Kecairan</li> </ul>						
9	<b>Prosedur Pengurusan dan Pengawalan Risiko</b>	<p>Di samping had pengawalseliaan yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia, Allianz Life telah menetapkan had pelaburan dalaman yang jelas untuk semua kelas aset untuk memastikan bahawa Dana ini tidak mengambil risiko yang berlebihan, sementara menyedari bahawa tidak ada penyingkiran risiko yang berkaitan dengan pelaburan dalam Dana.</p> <p>Huraian ringkas mengenai jenis-jenis risiko yang dirujuk dalam lembaran fakta dana ini adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Risiko Pasaran</b> – Nilai aset pelaburan Dana mungkin dipengaruhi oleh perubahan asas-asas ekonomi, pergerakan kadar faedah, dasar pengawalseliaan, keadaan politik dan pembangunan industri. Faktor-faktor pasaran ini boleh menyebabkan turun-naik nilai aset pelaburan dana. Risiko ini mungkin boleh dikurangkan dengan penilaian berkala dan rapi terhadap faktor-faktor makroekonomi dan strategi pengagihan aset.</li> </ul>						

- **Risiko Pelaburan Negara/Pelaburan Asing** – Risiko ini merujuk kepada risiko pelaburan dalam pasaran asing. Nilai aset pelaburan asing yang dimiliki oleh Dana adalah secara langsung ataupun tidak langsung dipengaruhi oleh faktor-faktor khusus sesebuah negara, seperti asas ekonomi negara, kestabilan sosial dan politik dan dasar pengawalseliaan. Risiko ini mungkin boleh dikurangkan dengan penilaian berkala dan rapi terhadap faktor-faktor makroekonomi dan strategi pengagihan aset.
- **Risiko Kadar Faedah** – Risiko kadar faedah timbul apabila nilai instrumen hutang turun-naik disebabkan oleh pergerakan kadar faedah. Apabila kadar faedah meningkat, harga instrumen hutang pada umumnya menurun dan ini dapat menurunkan nilai pasaran pelaburan. Sebaliknya, mungkin berlaku kadar faedah menurun. Instrumen hutang dengan tempoh matang yang lebih panjang dan kadar kupon yang lebih rendah adalah lebih sensitif terhadap perubahan kadar faedah. Risiko ini dapat dikurangkan dengan penilaian berkala dan rapi mengenai pengagihan asset dan strategi jangka masa.
- **Risiko Mata Wang** – Bagi pelaburan asing, turun-naik dalam kadar pertukaran mata wang asing mungkin mempengaruhi nilai aset pelaburan dalam Dana. Risiko ini mungkin boleh diuruskan melalui penglibatan dalam lindungan nilai pertukaran mata wang asing.
- **Risiko Sektor** – Nilai aset pelaburan Dana mungkin terjejas teruk oleh perubahan dalam faktor-faktor khusus sektor tententu, seperti keadaan perniagaan, pandangan industri dan permintaan / pembekalan industri yang dinamik ini. Risiko ini mungkin boleh diuruskan melalui kepelbagaian portfolio dan kawalan ke atas risiko penumpuan sektor.
- **Risiko Syarikat Khusus** – Nilai aset khususnya dalam sekuriti dan instrumen pasaran wang mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor khusus syarikat, seperti keadaan perniagaan, keadaan kewangan dan pentadbiran korporat syarikat tersebut.
- **Risiko Kredit dan Lalai** – Ini berkaitan dengan kelayakan kredit penerbit hutang dan instrumen pasaran wang serta kemampuan untuk membuat pembayaran faedah dan pokok tepat pada masanya. Sebarang situasi buruk yang dihadapi oleh penerbit boleh mempengaruhi nilai dana serta kecairan instrumen hutang atau instrumen pasaran wang. Risiko ini diuruskan dengan mempelbagaikan portfolio yang sesuai, pemilihan kredit yang ketat dan kawalan terhadap sektor serta risiko penumpuan kredit.
- **Risiko Kecairan** – Sekiranya aset tidak mempunyai kecairan yang secukupnya, terdapat risiko bahawa aset tersebut tidak dapat dijualkan atau hanya boleh dijualkan dengan harga diskau yang ketara berbanding dengan harga pembelian. Kepelbagaian portfolio yang tepat, kawalan terhadap had penumpuan pelaburan dengan mengambil kira batasan kecairan dan tinjauan berkala dapat membantu mengurangkan risiko tersebut.

## 10 Pasaran Sasaran

Dana ini adalah sesuai untuk pelabur yang:

- mahu peningkatan modal rendah hingga sederhana;
- mempunyai toleransi risiko rendah hingga sederhana; dan
- untuk pelaburan jangka sederhana hingga panjang.

**11 Prestasi Dana dan Tanda Aras Prestasi**

Prestasi dana dahulu bukan petunjuk prestasi masa depan dan prestasi dana adalah tidak dijamin.

Sejarah kadar kredit tahunan bersih sebenar Dana Universal Life Allianz I dengan tanda aras terpilih adalah:

Tahun	2011	2012	2013	2014	2015
Kadar Kredit Bersih Tahunan*	5.91%	5.54%	3.75%	2.66%	3.01%
Tanda Aras	2.79%	4.24%	4.28%	1.88%	2.26%

Tahun	2016	2017	2018	2019
Kadar Kredit Bersih Tahunan*	3.20%	6.51%	0.37%	8.39%
Tanda Aras	2.3%	4.05%	1.96%	1.79%

\* Selepas penolakan cukai kerajaan, caj transaksi, caj kustodian dan Caj Pengurusan Dana.

Sejarah kadar kredit bersih tahunan sebenar ini tidak mengambil kira sebarang caj lain yang mungkin dikenakan.

Ia adalah sesungguhnya prestasi dana pelaburan universal life dan bukan pulangan yang diperolehi daripada premium sebenar yang dibayar untuk produk universal life.

Asas pengiraan prestasi masa lalu adalah seperti berikut:

**Metodologi Kadar Kredit**

Dana Universal Life Allianz I, terdiri daripada Nilai Akaun setiap Dana Universal Life Allianz I pemegang polisi.

Dalam usaha menentukan kadar kredit untuk setiap Nilai Akaun individu, ianya hendaklah dinilai pada asas bulan kalender, dan kaedah-kaedah seperti berikut hendaklah terpakai:

Nilai Akaun setiap pemegang polisi hendaklah dikira sebagai jumlah daripada:

- Nilai Akaun pada akhir bulan kalender yang sebelumnya;
- Premium diperuntukkan yang diterima sepanjang bulan kalender tersebut (sekiranya ada); dan
- Pendapatan terkumpul atau sudah kredit kepada Nilai Akaun sepanjang bulan kalender tersebut (sekiranya ada); tolak potongan untuk Kos Insurans (sekiranya ada) dan Yuran Polisi (sekiranya ada) yang perlu bayar pada setiap ulang bulan dan juga tolak Bayaran Tunai Terjamin (sekiranya ada), Faedah Pendidikan Tidak Terjamin (sekiranya ada) dan Manfaat Persaraan Tambahan (sekiranya ada) yang perlu dibayar pada ulang tahunan.

Kadar Kredit bulanan bersih (selepas penolakan cukai kerajaan, caj transaksi, caj kustodian dan Caj Pengurusan Dana) akan dikreditkan kepada setiap Nilai Akaun individu berdasarkan purata pembukaan dan penutupan Nilai Akaun individu dalam bulan kalender tersebut.

Kadar Kredit dan amannya akan ditentukan selepas penutupan hujung bulan dan diperuntukkan kepada pemegang polisi dengan t+2 (hari bekerja).

*Nota: Allianz Life berhak untuk menentukan Kadar Kredit dan kekerapan Kadar Kredit tersebut pada budi bicara mutlaknya.*

**12 Penyata kepada Pemegang Polisi**

Penyata tahunan akan dihantar kepada pemegang polisi sekurang-kurangnya sekali setahun yang menyatakan baki Nilai Akaun, kadar kredit dan Caj Pengurusan Dana.

**Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (198301008983)**

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

**Pusat Perkhidmatan Pelanggan Allianz**

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542 E-mel: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)   AllianzMalaysia   [allianz.com.my](http://allianz.com.my)